

## Majlis Perasmian Program Jom Turun Bendang MADA 2019 (4 Mei 2019)

Majlis Perasmian Program Jom Turun Bendang MADA tahun 2019 yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Hj Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah merangkap Pengerusi MADA diadakan di Kampung Sungai Kering Yan ini dihadiri seramai lebih kurang 1,000 orang yang terdiri daripada penduduk tempatan dan warga kakitangan MADA.

Objektif utama Program Jom Turun Bendang ini diadakan adalah untuk menyampaikan mesej kepada seluruh peladang-peladang di Kawasan Muda (MADA) tentang persediaan awal aktiviti penanaman padi bagi Musim 1/2019. Secara keseluruhan peladang-peladang di Kawasan Muda telah melepasi fasa berehat dalam tempoh sekitar enam (6) minggu selepas aktiviti penuaian Musim2/2018.



Peladang-peladang MADA perlu memulakan aktiviti penanaman padi di Musim 1/2019 mengikut jadual yang ditetapkan selain menyambut peluang untuk meningkatkan daya ilmu dan kemahiran kepada teknologi terkini di dalam Industri Padi.

Dalam majlis tersebut juga, pihak MADA telah menyampaikan Insentif Projek Estet Padi Projek Pemacu Pertanian EPP10 bernilai sejumlah RM17,150,948.00.



MADA menyeru kepada seluruh peladang-peladang agar mematuhi Jadual Penanaman Padi dan Bekalan Air Musim Pertama 2019 yang telah ditetapkan supaya penggunaan air dapat dioptimalkan dan untuk mengelak dari berlakunya pembaziran air.

